

## **BAB II**

### **INSTITUSI WAKAF DALAM SYARIAT ISLAM.**

#### **2.1 PENDAHULUAN.**

Wakaf adalah suatu perkara yang amat digalakkan oleh syarak. Ia adalah bertujuan peribadatan dan kebajikan serta salah satu cara untuk mendekatkan diri dengan Allah. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya dalam surah al-Hajj ayat 77 yang bermaksud: "*Dan berbuat kebajikanlah kamu, semoga kamu mendapat kemenangan*".

Wakaf juga termasuk dalam amal kebajikan yang pahalanya tidak akan putus-putus dan diberikan oleh Allah s.w.t kepada orang yang berwakaf, selama barang yang diwakafkan itu masih dipergunakan oleh orang ramai dan dimanfaatkan oleh mereka.

Di dalam undang-undang Islam, wakaf adalah satu cabang yang amat penting di antara agama dan kehidupan ekonomi orang-orang Islam. Berdasarkan kepentingan di atas, undang-undang wakaf di dalam Islam telah diamalkan semenjak zaman Rasullullah s.a.w lagi, diikuti oleh para sahabat serta amalan ini dilakukan turun temurun sehingga sekarang. Harta yang diwakafkan itu merupakan hak Allah s.w.t yang tidak boleh dimiliki, dijual, diwarisi atau dihebahkan kepada sesiapapun.<sup>1</sup>

Harta kekayaan merupakan satu perkara yang amat penting di sisi Islam. Dalam konteks ekonomi, harta atau modal itu adalah faktor pengeluaran yang mampu bertambah jika sekiranya digunakan dengan cara yang betul atau sesuai. Kemampuan harta tanah bertambah melalui pembangunan adalah suatu perkara yang amat ketara. Firman Allah s.w.t surah al-Humazah ayat 1-2 yang bermaksud: "*Celakalah bagi setiap pengumpat lagi pencela yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitung*".

Dalam ayat di atas Allah S.W.T mengecam terhadap mereka yang menyimpan harta tanah tanpa dilaburkan. Oleh sebab itu Islam menggalakkan umatNya supaya mewakafkan sebahagian daripada harta yang dimilikinya ke jalan Allah. Insitusi wakaf ini di antara lainnya menunjukkan bahawa harta itu tidak boleh dihabiskan, tetapi hendaklah dilaburkan dan hasilnya digunakan untuk manfaat umat manusia. Dalam ayat Al-Quran di atas juga menunjukkan satu bukti bahawa harta wakaf itu harus dilaburkan supaya tidak kehabisan apabila digunakan (manfaat).

Wakaf adalah penyerahan atau pemberian harta untuk kepentingan dan pembangunan umat Islam secara teratur dan sistematik. Anjuran Islam terhadap amalan wakaf ini sesuai dengan inspirasi yang digambarkan oleh Allah s.w.t yang menceritakan tentang sifat dan perilaku manusia terhadap harta kekayaan. Dalam surah al-Kahfi ayat 46 bermaksud: "*Harta benda dan anak pinak adalah perhiasan hidup di dunia*". FirmanNya lagi, surah al-Fajr ayat 20: "*Dan kamu cintai harta benda, cinta yang sebesar-besarnya*".

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran di atas, umat Islam harus mendidik dirinya dalam melawan keinginan mencintai harta kekayaan yang berlebih-lebihan dan

berusaha mencari jalan yang baik supaya harta yang dimiliki itu diredaya oleh Allah s.w.t. Cara yang sebaik-baiknya ialah dengan cara mewakafkan sebahagian daripada harta yang dimiliki. Maka dengan cara ini wakaf itu menjadi ibadah yang amat berfaedah bukan sahaja untuk masa singkat, bahkan berpanjangan sehingga harta itu kekal manfaatnya.

Memandangkan kepada kepentingan amalan wakaf ini, menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk membangunkan tanah wakaf, yang mana ia mampu memberi sumbangan besar ke arah pembangunan serta penyusunan semula struktur ekonomi umat masyarakat Islam yang lebih baik.

## **2.2 MAKNA WAKAF.**

### **2.2.1 BAHASA.**

Perkataan wakaf atau *waqf* berasal dari perkataan Arab iaitu, *waqafa-yaqifū-waqfan* yang bermaksud tegah.<sup>2</sup> Ia juga bermaksud menahan sesuatu atau memenjarakan Contohnya *waqaftu* atau bermaksud saya wakafkan.<sup>3</sup>

Perkataan wakaf juga digunakan dengan perkataan-perkataan lain iaitu, (1) *al-Habs* membawa pengertian menahan.<sup>4</sup> Perkara ini disandarkan kepada hadith yang bermaksud: “*Kalau kamu hendak, kamu wakafkan (habasta) dan sedekahkan hasilnya*”,<sup>5</sup> (2) *al-Man*<sup>c</sup> yang bererti menegah atau membeku<sup>6</sup> dan (3) *Tasbil* yang bererti jalan Allah tetapi dari segi pengertian adalah sama iaitu menahan atau pindah

milik.<sup>7</sup> Dari segi istilah syarak ia bermaksud ialah menahan sesuatu harta semata-mata kerana Allah demi untuk kepentingan umum.<sup>8</sup>

## **2.2.2 MENURUT ISTILAH FIQH.**

### **2.2.2.1 ULAMA MAZHAB.**

#### **i. Mazhab Hanafi.**

Mazhab Imam Abu Hanifah<sup>9</sup> menyatakan wakaf adalah menahan *‘ayn* sesuatu harta daripada milik pewakaf dan digunakan manfaat harta tersebut untuk jalan kebajikan.<sup>10</sup> Dari segi pemilikan, mazhab ini berpendapat bahawa harta yang diwakafkan tidak terkeluar daripada milik pewakaf, bahkan masih kekal menjadi milik pewakaf, yang harus untuk jualbeli dan hebah selama mana ia masih hidup. Apabila pewakaf meninggal dunia harta tersebut menjadi harta pusaka yang diwarisi. Mengikut mazhab ini juga harta wakaf adalah dianggap sebagai suatu penggunaan manfaat terhadap sesuatu harta untuk kebajikan. Oleh itu harta wakaf boleh dipindah milik dalam tiga cara iaitu melalui keputusan hakim, wasiat dan diwakafkan untuk masjid.<sup>11</sup> Barang yang diwakafkan masih dalam milik *waqif* dan sah baginya mengambil semula barang yang diwakafkan itu. Dalam masa yang sama, harus baginya menjual harta tersebut kerana wakaf di sisi Abu Hanifah bersifat harus dan tidak kekal.

Ibn Humam, di antara ulama Mazhab Hanafi mentakrifkan wakaf sebagai menahan *‘ayn* harta atas milik si pewakaf dan memberikan manfaatnya itu kepada sesiapa yang ia suka (kepada orang miskin atau tujuan kebajikan).<sup>12</sup> Maksud yang difahami ialah harta wakaf itu tetap di tangan pewakaf, dengan itu pewakaf berkuasa di atas harta yang diwakafkan. Ertinya wakaf itu ialah menahan harta pokok yang diwakafkan.<sup>13</sup> Perkara ini dijelaskan lagi oleh Ibn ‘Abidin yang menyatakan wakaf ialah menahan sesuatu harta benda di atas ketentuan pemiliknya dan ianya dipergunakan untuk manfaat.<sup>14</sup>

Qadi Abū Yusuf dan Imam Muhammad al-Shaybānī (mereka adalah murid kepada Imam Abu Hanifah) menjelaskan wakaf adalah menahan sesuatu benda di bawah hukum Allah Yang Maha Kuasa, sehingga hak milik daripada orang yang berwakaf berakhir dan berpindah kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, untuk suatu tujuan yang mana hasil daripada harta yang diwakafkan itu dipergunakan untuk manfaat manusia.<sup>15</sup>

Pada keseluruhannya mengikut takrif yang dikemukakan oleh mazhab Hanafi boleh disimpulkan ialah sebarang harta yang diwakafkan untuk manfaat kebajikan dan harta yang diwakafkan itu masih lagi menjadi milik pewakaf yang mana pewakaf masih lagi mempunyai kuasa di atas harta yang diwakafkan seperti menjual, menghibah dan sebagainya kerana bagi mazhab Hanafi wakaf itu hanya penggunaan manfaat sahaja.

## **ii. Mazhab Maliki.**

Mazhab Maliki<sup>16</sup> menyatakan wakaf ialah mewakafkan sesuatu harta untuk dimiliki manfaatnya sekalipun pemilikan tersebut berbentuk sewaan atau mewakafkan hartanya seperti wang ringgit kepada yang berhak melalui akad mengikut tempoh masa yang dikehendaki oleh pewakaf. Ini bererti pewakaf menahan sesuatu harta dan menggunakan hasilnya untuk tujuan kebajikan dengan harta tersebut tetap menjadi milik pewakaf ke suatu masa yang ditetapkan dan tidak disyaratkan untuk selamanya. Oleh itu pemilikan bagi mereka adalah bermaksud sebagai pemilikan zat (harta) atau pemilikan manfaat. Perlaksanaan wakaf mengikut mazhab ini tidak memutuskan hakmilik pewakaf terhadap sesuatu harta wakaf, cuma pewakaf tidak boleh menggunakan harta tersebut selain daripada tujuan yang diwakafkan.<sup>17</sup>

Seorang ulama daripada Mazhab Maliki iaitu al-Sayyid Uthman bin Husnin Barri al-Maliki mendefinisikan wakaf itu ialah menjadikan manfaat atau sesuatu hasil yang dimiliki atau sesuatu hasil pendapatan bagi sesuatu yang disewakan itu untuk orang yang berhak dengan satu *sighah* dalam jangka masa mengikut pendapat pewakaf.<sup>18</sup>

Maksud manfaat dari takrif di atas ialah segala hasil dan faedah yang diharuskan oleh syarak. Manakala wakaf itu hendaklah diberikan kepada orang atau tempat yang berhak sahaja seperti orang miskin, fakir, anak-anak yatim dan sebagainya. Tempat yang layak menerima wakaf ialah seperti masjid, surau, sekolah dan lain-lain yang diharuskan oleh syarak, bukan tempat-tempat maksiat dan juga kepada orang kaya agar tidak berlaku pembaziran sepertimana dalam Firman Allah

s.w.t surah al-Hashr ayat 7 yang maksudnya: "Supaya harta itu jangan beredar daripada orang-orang kaya dari kalanganmu sahaja".

al-Sanhuri menyatakan Mazhab Maliki tidak mesyaratkan wakaf mestilah bersifat kekal. Ia mengharuskan wakaf sementara dengan menetapkan satu jangka masa, seperti mewakafkan sesuatu sehingga orang yang diwakafkan kepadanya itu meninggal dunia.<sup>19</sup>

Kesimpulan daripada takrif wakaf menurut mazhab Maliki ialah tempoh wakaf tidak disyaratkan kekal untuk selama-lamanya ataupun pewakaf boleh meletakkan sebarang syarat di atas harta yang di wakafkan dan pewakaf juga boleh memiliki semula harta yang diwakafkan pada suatu tempoh tertentu, walau bagaimanapun pewakaf tidak boleh menggunakan harta yang telah diwakafkan itu. Ini menunjukkan pewakaf tiada kuasa terhadap barang dalam tempoh yang diwakafkan tetapi pemilikan itu kembali kepada pewakaf apabila tempoh perwakafan tamat.

### iii. Mazhab Syāfi'i.

Mengikut ulama Mazhab al-Syāfi'i wakaf adalah penahanan harta yang boleh dimanfaatkan dan gunakan hasilnya untuk tujuan yang harus (*mubah*) tanpa menghabiskan *'ayn* sesuatu harta.<sup>20</sup> Maksud daripada takrif ini, wakaf ialah menghilangkan hak milik *waqif* (pewakaf) dan berpindah kepada penerima wakaf untuk menggunakan manfaatnya tetapi harta asal benda itu masih kekal keadaannya.

Muhammad al-Sharbīnī al-Kātib merupakan seorang ulama dalam mazhab al-Syāfi‘ī mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta yang boleh memberi manfaat dengannya, dengan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf untuk diberikan kepada tempat pemberian yang diharuskan.<sup>21</sup> Takrif ini bermaksud harta wakaf itu hendaklah kekal, di mana harta tersebut tidak boleh dijual, dihibahkan, dipusakai dan lain-lain hak yang dimilikinya sebelum barang itu diwakafkan. Ini kerana barang itu telah menjadi milik Allah dan bukan lagi miliknya. Manakala penerimanya hanya mengambil manfaatnya dan menjaganya dengan baik.<sup>22</sup>

Mengikut pendapat Imam al-Ja‘far al-Sadiq sebahagian dari mazhab Imam al-Syāfi‘ī, wakaf membawa pengertian menahan sesuatu harta daripada berpindah milik dan digunakan manfaatnya. Takrif ini bermaksud manfaat harta yang diwakafkan itu berpindah kepada golongan yang diwakafkan yang tidak harus lagi dipindahkan milik secara mutlak.<sup>23</sup> Definisi ini memberi erti bahawa orang yang memberi wakaf hilang hakmiliknya terhadap harta yang diwakafkan itu, iaitu harta tersebut telah bertukar milik kepada penerima wakaf.<sup>24</sup> al-Syarbīnī menjelaskan bahawa wakaf ialah menahan sesuatu barang daripada milik seseorang yang boleh digunakan untuk jalan Allah s.w.t.<sup>25</sup> Pengertian wakaf yang dibuat oleh beliau adalah sama pengertian wakaf yang dibuat oleh al-Asqalani yang menyatakan bahawa wakaf ialah menahan sesuatu harta yang boleh digunakan dengan syarat ianya kekal dan disalurkan kepada perkara yang diharuskan.<sup>26</sup> Al-Asqalānī mentakrifkan wakaf sebagai menahan sesuatu harta yang boleh dipergunakan dengan syarat ianya bersifat kekal dan digunakan bagi mendapatkan manfaat-manfaat yang diharuskan.<sup>27</sup>

Daripada takrif-takrif wakaf mengikut mazhab al-Syāfi‘ī di atas menunjukkan bahawa ciri-ciri harta wakaf adalah suatu harta yang boleh dimanfaatkan, ianya (harta wakaf) mestilah bersifat kekal dan tidak boleh dipindah milik serta digunakan untuk tujuan kebajikan semata-mata. Dari segi pemilikan, pewakaf tidak mempunyai kuasa terhadap harta yang diwakafkan kerana ia telah menjadi milik penerima wakaf selagi harta itu boleh diambil manfaat. Pewakaf masih mendapat ganjaran pahala daripada Allah selagi harta yang diwakafkan (*‘ayn*) itu masih boleh digunakan atau boleh diambil manfaat dan harta yang diwakaf itu telah menjadi milik Allah bukannya milik pewakaf.

#### iv. Mazhab Hanbali.

Imam Ahmad Ibn Hanbal<sup>28</sup> menyatakan wakaf membawa pengertian menahan sesuatu benda daripada berpindah milik dan digunakan manfaatnya.<sup>29</sup> Harta yang diwakafkan bukan lagi menjadi milik pewakaf dan manfaat harta tersebut diguhakan mengikut tujuan diwakafkan.<sup>30</sup>

Sesiapa yang mewakafkan harta maka segala manfaatnya diserahkan kepada si penerima wakaf dan pewakaf tidak mendapat apa-apa daripada harta yang diwakafkan kecuali mewakafkan harta untuk kegunaan orang-orang Islam seperti mewakafkan masjid atau kubur.<sup>31</sup> Ibn Qudāmah menegaskan dalam hal ini tidak berlaku wakaf apabila adanya syarat yang dibuat oleh pewakaf.<sup>32</sup>

Meneliti daripada definisi-definisi oleh ulama mazhab di atas maka dapatlah dirumuskan bahawa harta yang diwakafkan itu boleh diambil manfaat bagi individu dan masyarakat, diwakafkan untuk tujuan kebajikan semata-mata kerana Allah dengan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh Syara<sup>c</sup> dan pemilikan itu untuk selama-lama kecuali mazhab Maliki yang mengharuskan untuk sementara waktu atau bertempoh. Wakaf juga merupakan ibadah yang dilakukan secara sukarela bukan paksaan. Dengan sebab itu segala penggunaannya adalah untuk jalan yang direndai dan untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam keseluruhannya bukan memenuhi kepentingan peribadi.

#### **2.2.2.2 ULAMA SEMASA.**

Menurut Karim Zaidan, ulama boleh diklasifikasikan kepada kepada beberapa keadaan. Pertama disebut sebagai ulama terdahulu, mereka boleh dikenali dengan berdasarkan kaedah-kaedah yang mereka gunakan dalam pendekatan ilmu serta merujuk kepada kecenderungan dan keilmuan mereka. Kedua ulama kemudian ialah mereka merujuk kepada keadaan-keadaan imam mazhab yang sedia ada dan mereka lebih menumpukan kepada perkara-perkara cabang. Bagi ulama yang lebih terkemudian atau ulama sekarang, walaupun mereka ini tidak sampai kepada taraf mujtahid akan tetapi mereka cuba berijtihad melalui perbincangan dengan berdasarkan kepada imam-imamnya, di mana mereka tidak bergantung kepada ijtihad mereka semata-mata.<sup>33</sup>

Pada umumnya dapat dikatakan ulama semasa ialah ulama yang menghuraikan sesuatu perkara mengikut peredaran zaman, mereka boleh dikenali daripada pendekatan penulisannya yang mengupas dengan lebih mendalam dalam sesuatu perkara atau mereka mengumpulkan semua pendapat ulama-ulama terdahulu kemudian membuat kesimpulan daripadanya.

Menurut Muhammad Abu Zahrah, wakaf yang diertikan oleh fuqaha secara umumnya sebagai meletakkan halangan kepada pemindahan hak milik (*raqabah*) sesuatu harta yang boleh dimanfaatkan tanpa menghilangkan bentuk asalnya di mana faedahnya disalurkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.<sup>34</sup> Wakaf juga ditakrifkan sebagai harta yang ditahan, yang boleh dibelanjakan manfaatnya atau mengalirkan hasil pada jalan Allah. Menahan harta bererti harta itu tidak boleh dijual, dihebah dan tidak boleh dijadikan harta pusaka, serta manfaatnya digunakan bagi tujuan mengikut ketentuan bagi pewakaf sendiri.<sup>35</sup>

Muhammad Jawad mendefinisikan wakaf ialah satu cara pemberian yang mengkehendaki supaya zat asalnya kekal dan manfaatnya secara mutlak.<sup>36</sup>

Zuhdi Yakan di dalam *al-Mukhtasar fi al-Waqf* mengatakan wakaf pada istilah ialah menahan sesuatu harta di atas hukum Allah, manakala hasilnya digunakan untuk faedah kebajikan.<sup>37</sup>

Hasan Subhi Ahmad mengatakan mengikut teori muamalat Islam pemilikan seseorang atas sesuatu boleh berlaku ke atas mata bendanya sahaja (*al-'ayn*) atau ke atas faedah dan kegunaannya sahaja atau ke atas kedua-duanya sekali. Dalam keadaan

pertama dan kedua pemilikan disifatkan sebagai tidak sempurna, manakala dalam keadaan yang ketiga barulah disifatkan sebagai sempurna.<sup>38</sup> Berasaskan teori pemilikan di atas, wakaf melibatkan pelupusan hak mengguna dan mengambil faedah oleh pemilik asal ke atas harta berkenaan bagi faedah dan kepentingan pihak yang diwakafkan kepadanya. Dengan demikian, pemilik asal berkenaan tidak lagi berhak apa-apa atas faedah kegunaan harta itu.<sup>39</sup>

Menurut Sayyid Mahmud Nasir bahawa bagi negara-negara yang mengamalkan Mazhab Hanafi seperti India dan Pakistan mensyaratkan sesuatu harta yang hendak diwakafkan mestilah bersifat kekal buat selama-lamanya. Tidak boleh sama sekali harta itu ditarik balik atau diberikan pula kepada orang lain.<sup>40</sup>

Menurut Said Hawa sistem wakaf adalah satu sistem yang menyempurnakan sistem zakat dan sedekah yang mana ia mencakupi sistem yang menjamin keperluan manusia. Apabila dikaitkan sistem ini dengan sesuatu yang disyariatkan oleh Islam daripada hukum ia mencakupi cara-cara pemilikan, pengagihankekayaan dan muamalat yang mencakupi hak bernegara dan individu. Sesungguhnya sistem ekonomi Islam adalah sistem ekonomi yang unggul yang berbeza dengan sistem yang lain.<sup>41</sup>

Mengikut pendapat Hailani Muji Tahir bahawa, wakaf boleh berlaku dengan penyerahan mutlak atau dengan penyerahan manfaatnya sahaja kepada pihak yang menerima wakaf. Penyerahan itu boleh dilakukan oleh tuan milik harta secara langsung kepada penerima wakaf atau boleh dilakukan melalui pihak-pihak tertentu yang dimaksudkan dalam penyerahan wakaf.<sup>42</sup>

Wakaf adalah salah satu institusi dan mekanisme yang mempunyai peranan yang besar dalam membangunkan kekuatan dan kesejahteraan umat Islam sejak berzaman. Melalui institusi ini, Islam memberi peluang yang seluasnya untuk individu yang berada harta mendekati dan mensyukuri nikmat Allah S.W.T yang telah dikurniakan kepadanya dengan membantu golongan tertentu dan menyelia projek untuk keperluan masyarakat. Peluang beribadat ini sekaligus mampu berperanan dalam menyusun dan membangunkan kekuatan ummah dalam berbagai aspek kemasyarakatan termasuk ekonomi.<sup>43</sup>

Muhammad Qutb di dalam bukunya *Syubahāt Hawla al-Islām* menyatakan bahawa sedekah ialah harta yang dikeluarkan oleh orang kaya secara sukarela bagi tujuan kebajikan. Islam mengakui kebajikan itu dalam berbagai bentuk, seperti memberi sedekah kepada ibu bapa, kaum kerabat dan kepada orang yang memerlukan.<sup>44</sup> Walaupun beliau tidak menyatakan dengan perkataan wakaf tetapi apa yang difahami daripada sedekah dan kebajikan di atas termasuk juga amalan wakaf.

Definisi ulama semasa di atas, menggambarkan kepentingan wakaf pada hari ini yang merupakan alat pengkuhan ekonomi umat Islam. Penggunaan manfaat wakaf harus diperluaskan mengikut peredaran zaman bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam yang sentiasa berubah. Perubahan ini bertepatan dengan kaedah pengagihankekayaan dan muamalat yang meliputi hak individu dan negara. Kreteria kekal masih lagi dipertahankan iaitu tidak boleh dijual, dihebah dan manfaatnya masih mengikut ketentuan pewakaf.

## **2.3 WAKAF DI DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH.**

Di dalam al-Quran tidak ada ayat secara teperinci menjelaskan tentang persoalan wakaf, tetapi kita dapat temui dasar institusi wakaf di dalam al-Quran. Begitu juga di dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w hanya terdapat beberapa hadith sahaja yang membicarakan tentang wakaf. Dalil-dalil ini sudah cukup kuat untuk menjadi alasan kepada kepentingan dan keperluan amalan berwakaf.

Ungkapan-ungkapan yang digunakan di dalam al-Quran dan al-Hadith untuk menggambarkan pengertian wakaf ialah melalui istilah-istilah kebajikan dan sedekah jariah, kerana ianya mempunyai matlamat yang sama iaitu sebagai alat melakukan peribadatan kepada Allah s.w.t.

Al-Quran dan al-Hadith yang membicarakan tentang wakaf begitu terbatas sekali dan umum sifatnya.<sup>45</sup> Bagi memperjelaskan dalil-dalil tersebut penulis cuba membahagikan kepada dua bahagian iaitu dalil yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith:

### **2.3.1 AL-QURAN.**

Antara ayat yang menjadi sandaran kepada amalan wakaf ini ialah firman Allah suran al-Imran ayat 92 maksudnya: "*Kamu tidak sampai kepada kebaktian (yang sempurna) sehingga kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai*".

Mengikut Ibn al-Arabi, perkataan nafkah di sini bermaksud sedekah sunat yang dilakukan secara sukarela dengan tujuan kerana Allah s.w.t. secara menyeluruh.<sup>46</sup> Al-Baydawi dalam tafsirnya tidak sampai kepada kebajikan yang sempurna ialah syurga Allah iaitu rahmat dan keredaan daripadaNya.<sup>47</sup>

Dalam satu riwayat oleh Anas bin Malik, setelah turunnya ayat di atas, Talhah telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: "Bolehkan aku memberi wakaf kepada Allah s.w.t. sesuatu yang aku paling suka sekali iaitu *taman Bayraha*".<sup>48</sup> Namun Rasulullah menjawab, "lebih baik harta itu diberi kepada kaum kerabat yang memerlukan". Jawab Talhah pula: "Baiklah, saya akan membahagikan kebun itu di antara keluarga-keluarga saya yang terdekat". Dengan turunnya ayat ini, maka berlumba-lumba sahabat Baginda s.a.w mengorbankan harta mereka untuk mendapat ganjaran pahala daripada Allah s.w.t.<sup>49</sup>

Satu riwayat lain oleh al-Tabari, bahawa Zayd bin Harithah membawa seekor kuda yang paling disayanginya, lalu berkata: "Saya dermakan ini untuk Allah". Lalu Rasulullah meletakkan Usamah bin Zaid ke atas belakang kuda itu dan bersabda: "Sesungguhnya Allah telah menerima sedekahmu itu".<sup>50</sup> Menurut jumhur ulama. sedekah yang paling baik ialah diberikan kepada kaum kerabat.<sup>51</sup>

Menurut Syed Qutub di dalam tafsirnya menyatakan bahawa semasa ayat itu diturunkan umat Islam memahamkannya sebagai satu ibadah dan galakan untuk mendapatkan ganjaran yang lebih baik daripada Allah s.w.t dengan mengorbankan harta yang baik dan yang disayangi.<sup>52</sup>

Al-Quran surah al-Baqarah ayat 261 juga boleh dijadikan sandaran bagi umat Islam supaya melakukan amalan wakaf iaitu yang bermaksud: “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniannya, lagi meliputi ilmu pengentahuannya*”.

Diriwayatkan ayat ini diturunkan tentang hal Saidina Uthman bin Affan r.a dan Abdul Rahman bin Awf. Sesungguhnya ketika Rasulullah s.a.w menggalakkan umatnya supaya bersedekah dalam perperangan Tabuk, maka Abdul Rahman bin Awf datang kepada Rasulullah membawa empat ribu dirham, lalu berkata, “Ya Rasulullah! adalah bagi aku memiliki lapan ribu dirham dan aku cadangkan untuk sedekah empat ribu dirham dan empat ribu dirham lagi aku simpan”. Maka Rasulullah berdoa: “Sesungguhnya Allah memberkati pada apa yang engkau simpan dan sedekahkan”.<sup>53</sup>

Al-Qurtubi menjelaskan ayat ini diturunkan mengenai amalan berbentuk sunat.<sup>54</sup> Oleh sebab itu, setiap perkara sunat yang dilakukan hendaklah dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah. Ibn Kathir menjelaskan bahawa Allah S.W.T memuji pada mereka yang membelanjakan harta pada jalan Allah dan tidak mengiringi segala jenis sedekah dan kebajikan oleh celaan dan ejekan. Perkara ini telah dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Baqarah ayat 262 bermaksud: “*Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, kemudian mereka tidak meringinya apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan, membangkit-bangkit (pemberianya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberikan)*”.

Ayat-ayat al-Quran di atas menunjukkan bahawa menggunakan dan membelanjakan harta kekayaan pada jalan kebajikan dan kebaikan adalah dituntut oleh Allah. Sesungguhnya perintah Allah ini secara tidak langsung dapat mendidik jiwa manusia supaya sentiasa bersifat syukur dan tidak bakhil.

### 2.3.2 AL-HADITH.

Antara hadith-hadith yang menyebut tentang pensyariatan wakaf ialah sabda Rasulullah s.a.w dengan maksudnya:

*"Daripada Ibn Umar katanya, bahawa Saidina Umar telah memperolehi sebidang tanah di Khaibar, beliau mengadap Nabi dan bertanya, aku telah memperolehi sebidang tanah di Khaibar yang belum pernah aku perolehi sebaik itu sebelum ini, apa perintahmu kepadaku? Jawab Rasulullah s.a.w. Jika engkau suka tahanlah tanah itu dan engkau sedekahkan hasilnya. Dengan perintah itu Saidina Umar menyedekahkan hasilnya dan berjanji tidak akan menjualnya, diwarisi atau diberikan kepada orang lain".<sup>55</sup>*

Menurut al-Shawkani peristiwa ini menandakan bermulanya sejarah wakaf di dalam Islam.<sup>56</sup> Kata Ibn Hajar hadith Umar ini merupakan asas kepada kepada hukum wakaf.<sup>57</sup> Manakala Wahbah al-Zuhayli mengulas hadith ini menunjukkan harta wakaf tidak lagi boleh digunakan oleh pihak yang mewakafkan. Kerana wakaf itu sendiri bererti pembekuan harta daripada urusan milik dan pemilikan.<sup>58</sup> Dalam hadith lain Nabi bersabda dengan maksudnya: "Apabila seseorang itu mati maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang mendoakan kepadanya".<sup>59</sup>

Para ulama sependapat bahawa sedekah jariah dalam hadith di atas adalah wakaf. Ini disebabkan sedekah-sedekah yang lain tidak mempunyai ciri-ciri kekekalananya.<sup>60</sup>

Di antara hadith yang lain yang boleh kita ambil pengajaran bahawa tuntutan Rasulullah tentang amalan wakaf ini ialah sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Dari Abu Hurairah r.a daripada Rasulullah s.a.w baginda bersabda: Barang siapa yang mewakafkan seekor kuda pada jalan Allah s.w.t dengan penuh keimanan kepada Allah, maka makannya, tahinya, kencingnya itu menjadi amal kebaikan pada timbangannya (pada hari kiamat)".<sup>61</sup>

Daripada ayat-ayat dan hadith-hadith yang telah dinyatakan di atas, secara umumnya dapat difahami bahawa Allah s.w.t amat menggalakkan umat Islam melakukan kebaikan iaitu dengan melakukan amalan berwakaf daripada sedikit harta yang dimilikinya untuk kegunaan pada jalan Allah yang mana mereka akan dijanjikan pahala yang besar. Justeru itu mengikut pandangan ulama yang dimaksudkan dengan sedekah atau derma itu ialah wakaf, kerana sedekah biasa tidak kedapatan ciri-ciri berkekalan padanya.<sup>62</sup> Oleh sebab itu, peraturan wakaf merupakan satu kaedah beribadat yang paling istimewa untuk diri dan masyarakat serta ia sebagai satu persediaan selepas mati.

## **2.4 WAKAF MENGIKUT AMALAN SEBELUM DAN SELEPAS ISLAM.**

Imam al-Syāfiī menegaskan bahawa wakaf adalah salah satu daripada beberapa keistimewaan Islam yang tidak terdapat di dalam agama-agama lain. Begitu juga ibadat ini tidak pernah dikenali pada zaman Jahiliah, perkara ini ditegaskan oleh al-Syāfiī dengan katanya.<sup>63</sup>

*"Tidak berlaku wakaf dikalangan orang jahiliah, tetapi wakaf berlaku pada zaman Islam".*

Mengikut al-Sarakhsi di dalam kitabnya *al-Mabsut* bahawa ada pendapat yang menerangkan amalan berwakaf ini telah wujud di zaman Nabi Ibrahim a.s lagi. Baginda telah mewakafkan Masjidil Haram dan kawasan sekitarnya kepada anak cucunya, tetapi struktur wakaf pada masa itu tidak begitu jelas.<sup>64</sup> Ibn Qudāmah berkata, menurut sejarah asalnya wakaf ini melalui apa yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar<sup>65</sup> berdasarkan hadith yang telah diterangkan di atas. (lihat h. 37).

Wakaf pertama telah berlaku pada tahun ketiga hijrah, ketika Mukhairiq al-Yahudi mewakafkan hartanya yang berbentuk ladang-ladang kurma kepada Rasulullah s.a.w.<sup>66</sup> Begitu juga Saidina Ali r.a telah mewakafkan sebidang tanah di Yanbu' untuk fakir miskin dan *fī sabillah*.<sup>67</sup> Di dalam satu riwayat yang lain bahawa Saidina Uthman bin Affan telah membeli sebuah telaga yang bernama Raumah daripada seorang Yahudi dengan harga dua puluh ribu dirham untuk diwakafkan kepada kaum Muslimin.<sup>68</sup> Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Daripada Saidina Uthman bahawa Nabi s.a.w ketika sampai ke Madinah didapati tidak ada *di situ air yang sedap rasanya selain daripada air telaga Raumah*. Maka baginda bersabda:

*Sesiapa yang membeli telaga Raumah, maka dijadikan cedukannya serta cedukan setiap kaum Muslimin kehajikan baginya dan dimasukkan ke syurga. Maka aku membelinya dengan hartaku*”.<sup>69</sup>

Mengikut satu riwayat bahawa Anas bin Malik mewakafkan rumahnya di Madinah, begitu juga Al-Zubayr Ibn Al-Awwam mewakafkan rumah kepada anak-anaknya dan Ibn Umar mewakafkan rumah bapanya Saidina Umar untuk diduduki oleh ahli keluarga Abdullah bin Umar.<sup>70</sup>

Umumnya para sahabat baginda Rasulullah s.a.w akan melaksanakan ibadat wakaf ini dari harta yang mereka miliki pada jalan Allah s.w.t yang semata-mata untuk mendapat keredaanNya, di samping menyahut seruan baginda Rasulullah s.a.w.<sup>71</sup> Perkara ini di dasarkan kepada hadith berikut yang maksudnya: “*Dari Abu Hurairah r.a daripada Rasulullah s.a.w, baginda bersabda: Barangsiapa mensedekahkan seekor kuda pada jalan Allah dengan penuh keimanan kepada Allah s.w.t dan membenarkan dengan janji Allah s.w.t, maka makannya, tahinya, kencingnya itu menjadi amal kebajikan pada timbanganya (di Hari Kiamat).*<sup>72</sup>

Seterusnya para sahabat berlumba-lumba untuk melakukan wakaf masing-masing, sehingga dikatakan tidak ada seorang pun sahabat Nabi yang mempunyai harta kecuali sedikit sebanyak telah diwakafkan.<sup>73</sup> Al-Sharbini berkata dalam kitabnya *Mughnī al-Muhtāj* jumlah mereka yang telah mewakafkan harta pada ketika itu tidak kurang daripada lapan puluh orang dan kebanyakannya terdiri dari golongan Ansar.<sup>74</sup>

Perkara di atas membuktikan bahawa amalan wakaf telah berlaku sebelum kedatangan risalah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w lagi. Walau bagaimanapun ianya berlaku secara tidak langsung tetapi konsep dan amalannya bersamaan dengan amalan wakaf yang dianjurkan oleh Islam. Seterusnya ia berkembang pada zaman sahabat. Perkara ini berlaku akibat daripada keberkesanan tarbiah Nabi Muhammad s.a.w kepada jiwa umat Islam pada ketika itu.

## 2.5 KESIMPULAN.

Wakaf memberi penjelasan kepada kita sebagai penahanan ke atas harta tertentu yang digunakan manfaatnya bagi kepentingan umum, di mana bentuk fizikalnya masih kekal dan ia digunakan untuk tujuan kebajikan semata-mata. Wakaf tidak seperti sedekah, kerana ia mempunyai ganjaran yang besar. Ganjaran tersebut akan berterusan selagi barang yang diwakafkan itu masih boleh digunakan. Selain itu, ia juga memberi manfaat kepada masyarakat, terutamanya untuk tujuan kebaikan seperti masjid, jambatan dan lain-lain. Oleh itu, wakaf yang dibuat kepada perkara-perkara maksiat dianggap tidak sah.

Nyata bahawa wakaf merupakan satu fenomena yang amat penting dalam pembentukan dan pembangunan ummah sejajar dengan suruhan Allah s.w.t dan RasulNya. Kesempurnaan dan perlaksanaanya adalah bergantung kepada rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Apa yang ditegaskan bahawa amalan perwakafan mestilah seimbang antara perkembangan material dan kerohanian serta dapat memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan beberapa aspek lain.

<sup>1</sup>Prof. Dr. Syed Othman Al-Habshi (1986), "Konsep Wakaf Dan Perlaksanaannya Di Malaysia", (Seminar Pengurusan Dan Pentadbiran Harta-Harta Wakaf Peringkat Kebangsaan, Anjuran Bersama Majlis Agama Islam Perak dan JPM, 24 & 25 Nov. 1986), h. 2.

<sup>2</sup>Muhamad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi*, j. 2. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 397.

<sup>3</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *al-Mughnī*, j. 5. Mesir: Matba<sup>c</sup>ah al-Imam, h. 489.

<sup>4</sup>Ibn Abidin (1399H), *Hasyiah Radd al-Muhtar*, j. 4. t.tp: Dār al-Fikr, cet. 2, h. 337.

<sup>5</sup>Muslim, Abi al-Husin Muslim al-Hajjah (1348H), *al-Jami<sup>f</sup> al-Sahīh*, Mesir: Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 67.

<sup>6</sup>Al-Syarbīnī al-Khātib (1377H), *Mughnī Al-Muhtāj*, j. 2. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 376.

<sup>7</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, j. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 153.

<sup>8</sup>al-Anṣarī (t.t), *Lisan al-Arab*, j. 11. Mesir: Dār al-Misriyah, h. 276-277.

<sup>9</sup>Nama penuhnya al-Nukman bin Thabit, lahir pada 80H, meninggal dunia pada 150H: Lihat Mustafa al-Syak<sup>c</sup>ah (1407H/1987), *Islam Bila Madhahib*, Mesir: Al-Dār al-Misriah al-Lubnaniah, h. 361-371.

<sup>10</sup>al-Qadhdhī Abd al-Wahab bin Muhammad al-Samawi (t.t), *Al-Ta‘āmul Fi al-Islam*, t.p: t.pc, h. 301.

<sup>11</sup>Ibn Abidin (1399H), *op.cit*, j. 4, h.338.

<sup>12</sup>Ibn al-Humam (t.t), *Sharḥ Fath al-Qadīr*, j. 6. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 199.

<sup>13</sup>*Ibid.*

<sup>14</sup> Ibn Abidin (1399H), *op.cit*, j. 4, h. 337.

<sup>15</sup>Asaff A.A Fyzee(1964), *Outlines Of Muhammadan Law*, cet. 3. London: Oxford Universiti Press, h.268.

<sup>16</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *op.cit*, j. 8, h. 155-156.

<sup>17</sup>Malik bin Anas, pengarang kitab terkenalnya 'Al-Muwatta', lahir pada 93H dan meninggal pada 179H, lihat Mustafa al-Syak<sup>c</sup>ah (1405/1987), *op.cit*, h. 373.

<sup>18</sup>al-Barri (t.t), *Sīrāj al-Sālik*, j. 2. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 187.

<sup>19</sup>al-Sanhūrī (1368H/1949), *Al-Qawānin al-Misriyyah al-Mukhtarah min Al-Fiqh al-Islāmī*, j. 3. Kahirah: Musahimah Misriyyah, h. 103.

<sup>20</sup>Shihabuddin al-Qalyubi Wa Umairah (t.t), *Qalyubi Wa Umairah*, j. 3. Mesir: Dar Ihya al-Kutub wa Arabiyah, h. 97.

<sup>21</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *Mughni Al-Muhtaj*, j. 2, h. 375.

<sup>22</sup>*Ibid*, h. 376

<sup>23</sup>Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985), *op.cit*, j. 8, h. 154-156.

<sup>24</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *op.cit*, j. 2, h. 375. Lihat juga Idris Ahmad (t.t), *Fiqh al-Syafieyah*, vol 2. Jakarta: Bulan Bintang, h. 95.

<sup>25</sup>*Ibid*. 376.

<sup>26</sup>al-Asqolani (1325H), *Tahdhib al Tahdhib*, j. 3. t.tp: Majlis Dairat al-Ma'arif al-Nizamiyyah, h. 81.

<sup>27</sup>*Ibid*.

<sup>28</sup>Nama penuhnya Ahamad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani, keturunan Arab Bani Najjar, dilahirkan di 'Marwi' pada 164H dan meninggal pada 241H. Lihat Mustafa al-Syak'ah (1407H/1987), *op.cit*, h. 409.

<sup>29</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit*, j. 5, h.495.

<sup>30</sup> Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985), *op.cit*, j. 8, h. 154-156.

<sup>31</sup>Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit*, j. 5, h.495.

<sup>32</sup>*Ibid*, h. 514.

<sup>33</sup>Dr. Abdul Karim Zaidan (1993), *al-Wajiz fi Uṣūl al-Fiqh*, cet.1. Kahirah: Dār al-Tauzī' wa Nasya al-Islamiyyah, h.15,16,17.

<sup>34</sup>Muhammad Abu Zahrah (1971), *Muḥādarah Fī al-Waqf*, t.tp: Dār al-Fikr al-Arabi, h. 7.

<sup>35</sup>*Ibid*,h. 41.

<sup>36</sup>Muhammad Ibn Jawwad Mughniyyah (1966), *Fiqh al-Imām Ja'far al-Sadiq*, j. 5. Beirut: Dār al-Ilm al-Malayin, h. 58.

<sup>37</sup>Zuhdi Yakan (1966), *al-Mukhatṣar fī al-Waqf*, Beirut: Matba'ah Samiya, h. 7.

<sup>38</sup>Hasan Subhi Ahmad (1970), *al-Madkhal Ilā al-Fiqh al-Islāmī*, Kahirah: Matba'ah al-Risalah, h. 335.

<sup>39</sup>Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985), *op.cit*, j. 8, h. 154-155.

<sup>40</sup>Naqvis & Sayyid Mahmud Nasir (1968), *Law Of Waqf*, all Pakistan Legal Decision, h. 27.

---

<sup>41</sup>Sa'id Hawa (1414H/1994), *Al-Asas Fi al-Sunnah Wa Fiqhiha*, j. 3. t.tp: Darul salam Al-Azhar, h. 2469.

<sup>42</sup>Hailani Muji Tahir (1982), *Institusi Kewangan Negara Islam*, Kajang: Al-Rahmaniah, h. 63.

<sup>43</sup>Tuan Haji Nik Mustapha Haji Nik Hassan (1999), "Sumbangan Institusi Wakaf Kepada Pembangunan Ekonomi-Satu Analisis", (Seminar Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia, IKIM, 24-25 Mac 1999, h. 1.

<sup>44</sup>Muhammad Qutb (1968), *Syubahāt Hawlā al-Islām*, t.tp: t.tc, h. 107.

<sup>45</sup>Ibid h. 157.

<sup>46</sup>Ibn Arabī (1376H/1957), *Ahkām al-Qurān*, j. 4. Mesir: Ḥasan al-Bābī al-Halabī, h. 381.

<sup>47</sup>al-Baydawī (t.t), *Al-Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wil*, Mesir: Maktabah al-Jumhuriyah al-Arabiyyah, h. 461.

<sup>48</sup> Bayraha merupakan sebuah kebun kurma yang dimiliki oleh Talhah, kedudukannya berhadapan dengan masjid Madinah dan ia merupakan harta yang paling disayangi oleh Talhah. Lihat al-Nawawi (1987), *Sharh Muslim bi Sharh al-Nawawi*, j.7. Kahirah: Darl al-Rayyan, h.84, 85.

<sup>49</sup>Ibn Arabī (1376H/1957), *op.cit*, h. 382

<sup>50</sup>al-Tabarī (1964), *Jāmi' al-Bayan Fi Tafsir al-Qurān*, j. 3. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 247.

<sup>51</sup>al-Baydawī (t.t), *Al-Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wil*, h. 112.

<sup>52</sup>Syed Qutb (1402H/1982), *Fi Zilāl al-Qurān*, Beirut: Dār al-Syuruq, h. 247.

<sup>53</sup>al-Qurtubi (t.t), *Jāmi' Ahkām al-Qurān*, j. 3. t.tp: Dār al-Fikr, h. 303.

<sup>54</sup>Ibid.

<sup>55</sup>al-Nasa'i (t.t), *Sunan*, j. 6. t.tp: t.pc, h. 230-231.

<sup>56</sup>al-Shawkānī (1384H/1964), *Nayl-Awiār*, j. 6. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 24.

<sup>57</sup>Ibn Hajar al-Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī*, j. 6. Beirut: Dār al-Fikr, h. 61.

<sup>58</sup>Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *op.cit*, j. 8, h. 155.

<sup>59</sup>Muslim bin al-Hajjaj an-Naisaburi (1968M), *Sahīh Muslim*, j. 2. Beirut: Dār Ihya Kutub Arabiyah, h. 23. Lihat juga, al-Nasa'i, *op.cit*, j. 6, h. 251.

<sup>60</sup>al-Syarbīnī al-Khatīb (1377H), *Mughnī Al-Muhtāj*, j. 2, h. 376.

<sup>61</sup>al-Nasa'i, *op.cit*, j. 6, h. 225.

---

<sup>62</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *op.cit*, juz. 2, h. 376.

<sup>63</sup>al-Syaffi (1388H-1968), *Al-Umm*, j. 3. t.tp: t.pc, h. 275

<sup>64</sup> al-Saraksti (t.t), *al-Mabsut*, j. 12. Mesir: Matbaah Saadah, h. 28.

<sup>65</sup>Ibn Qudamah (t.t), *op.cit*, j. 5, h. 489.

<sup>66</sup>Ibn Hisyam (t.t), *Sirah al-Nabawiyah*, j.12. Mesir: t.pc, h. 38.

<sup>67</sup>al-Babili (1975), *al-Mâl fî al-Islâm*, Beirut: Dâr al-Kutub al-Lubnaniyah, h. 95

<sup>68</sup>Ibn Hajar al-Asqalani (1378H/1959), *Fath al-Bari*, j. 6. Mesir: Matbaah al-Babî al-Halabi, h 314.

<sup>69</sup>al-Nasa'i, *op.cit*, j. 6, h. 235.

<sup>70</sup>al-Asqalani (1378H/1959), *op.cit*, j. 6, 313.

<sup>71</sup>al-Sayyid Sabiq (1405H/1985), *Fiqh Al-Sunnah*, j. 3. Beirut: Dâr Al-Kutub Al-Arabi, h. 521.

<sup>72</sup>al-Nasa'i, *op.cit*, j. 6, h. 225.

<sup>73</sup>Ibn-Qudamah, *op.cit*, j. 5, h. 489

<sup>74</sup>al-Syarbini al-Khatib (1377H), *op.cit*, j. 2, h. 376